PANEL 5

SEJARAH TAMADUN NEGERI MELAKA

History of Melaka's Civilisation

Melaka kaya dengan warisan sejarah dan budaya yang berkait rapat dengan landskap fizikal serta geodiversitinya. Kedudukannya yang strategik di muara Sungai Melaka dan sepanjang Selat Melaka menjadikan Melaka sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang penting sejak era Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Sejarah Melaka boleh dibahagikan kepada tiga tempoh utama, iaitu Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Zaman Penjajahan dan Zaman Kemerdekaan.

Melaka is rich in historical and cultural heritage closely linked to its physical landscape and geodiversity. Its strategic location at the mouth of the Melaka River and along the Strait of Melaka established it as an important international trading centre during the Melaka Sultanate in the 15th century. Melaka's history can be divided into three main periods: the Melaka Sultanate, the colonial period and the independence period.

1 Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Melaka Sultanate Period

±1400 – 1511

Melaka diasaskan oleh Parameswara, seorang putera dari Palembang, Sumatera. Beliau kemudiannya dikenali sebagai Iskandar Shah selepas memeluk Islam.Melaka berkembang menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa dan pusat ilmu Islam yang penting di Nusantara. Pengaruh Kesultanan Melayu Melaka meliputi Selat Melaka, Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan pantai utara Sumatera. Melaka kemudiannya ditawan oleh Portugis pada tahun 1511.

Melaka was founded by Parameswara, a prince from Palembang, Sumatra. He later became known as Iskandar Shah after embracing Islam.Melaka developed into an international trading port and an important centre of Islamic learning in the Nusantara. The influence of the Melaka Sultanate extended across the Strait of Melaka, the Malay Peninsula, the Riau Islands and the northern coast of Sumatra. Melaka was conquered by the Portuguese in 1511.





2 Zaman Penjajahan

Zaman Penjajahan

1511 – 1957

- **Portugis (1511–1641): Menawan Melaka pada tahun 1511 di bawah pimpinan Afonso de Albuquerque, membina A Famosa dan memperkenalkan sistem Kapitan.**
- **Belanda (1641–1824): Menawan Melaka dengan bantuan Johor pada tahun 1641 dan mentadbirnya bagi menguasai perdagangan serantau.**
- **British (1824–1941 dan 1945–1957): Menguasai Melaka melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, Melaka kemudiannya menjadi sebahagian daripada Negeri-Negeri Selat.**
- **Jepun (1942–1945): Menduduki Melaka selama tiga tahun semasa Perang Dunia Kedua.**

- *Portuguese (1511–1641): Conquered Melaka in 1511 under the command of Afonso de Albuquerque, built A Famosa and introduced the Kapitan system.*
- *Dutch (1641–1824): Captured Melaka with Johor's assistance in 1641 and administered the territory to control regional trade.*
- *British (1824–1941 and 1945–1957): Took control of Melaka following the Anglo-Dutch Treaty of 1824. Melaka later became part of the Straits Settlements.*
- *Japanese (1942–1945): Occupied Melaka for three years during the Second World War.*

3 Zaman Kemerdekaan Melayu Melaka

Independence Period

1957 – Kini | *Recent*

Pada 20 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman tiba di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka selepas rundingan kemerdekaan di London. Beliau mengumumkan bahawa Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Selepas kemerdekaan, Melaka terus berkembang sebagai negeri yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya serta masyarakat yang pelbagai. Warisan Melaka dipelihara melalui enakmen warisan negeri, pendaftaran di bawah Jabatan Warisan Negara dan pengiktirafan Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008.

On 20 February 1956, Tunku Abdul Rahman arrived at Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka after independence talks in London. He announced that Malaya would achieve independence on 31 August 1957.Following independence, Melaka continued to develop as a state rich in historical and cultural heritage and a diverse society. Melaka's heritage is protected through state heritage enactments, registration under the Department of National Heritage, and the inscription of Melaka and George Town as a UNESCO World Heritage Site in 2008.



Melestarikan Alam, Memartabatkan Warisan

Preserving Nature, Celebrating Heritage